



Ais kiub perlu akuan halal

NILAI – Pemprosesan yang dilakukan bagi pembuatan ais kiub memerlukan produk terbabit mendapat perakuan sijil halal demi memastikan tahap kebersihan dan kualiti ais yang dihasilkan.

Presiden Persatuan Profesion Eksekutif Halal Malaysia (PEHMA), Dr Lokman Ab Rahman berkata, walaupun ais kiub berada di bawah kategori produk neutral, namun ia masih belum boleh disahkan halal.

“Sebenarnya kalau mengikut prosedur tidak perlu halal kerana ia dikategorikan sebagai produk neutral sama seperti air laut dan air paip.

“Tapi disebabkan penghasilan ais kiub ini melibatkan pemprosesan, ia juga memerlukan pengesanan halal sama ada dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau Majlis Agama Islam,”katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas hadir merasmikan Program Professional Halal Analyst di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam.



Musa (kanan) dan Lokman (tengah) pada sidang media diadakan.

“Pembuatan kiub ais ini melibatkan beberapa proses untuk sampai kepada pengguna dan itu mungkin ruang berlaku pencemaran yang turut melibatkan soal keselamatan dan mutu ais.

“Bagi saya ais kiub juga perlu ada sijil halal. Mana-mana syarikat yang rasa mampu memohon sijil halal, digalakkan buat permohonan kerana bagi saya ia satu keperluan hari ini,”katanya.

Beliau berkata, selain membuat permohonan mendapatkan sijil halal, semua syarikat pengeluar makanan juga

perlu memastikan penghasilan produk mereka menepati peraturan atau standard ditetapkan.

“Bila Jakim sudah beri pengiktirafan halal bermakna mereka perlu patuh pada keseluruhan peraturan dan standard ditetapkan, bukannya hanya mengejar keuntungan semata-mata.

“Tapi apa yang mengecewakan apabila mereka beri alasan tidak faham sedangkan ketika permohonan itu dibuat telah dinyatakan prosedur yang perlu dipatuhi,”katanya.